

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[ BESUT ]**

**SOALAN NO. 179**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah terbaharu yang diambil dalam meningkatkan kembali kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan jumlah tunggakan terkini melebihi RM2.81 bilion.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berkenaan langkah terbaharu PTPTN, proses konsultasi rakyat telah dilaksanakan melalui penerbitan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019 bagi mendapatkan cadangan serta pandangan rakyat.

Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunapakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.